

# Isu teknikal ambil tenaga kerja Warga Bangladesh ditangani

## Kumpulan pertama 2,000 pekerja akan dibawa masuk, jumlah dijangka meningkat

Oleh Noor Aiqah Salaman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kumpulan pertama seramai 2,000 pekerja warga Bangladesh akan dibawa masuk dan jumlah mereka dijangka meningkat pada minggu akan datang.

Kementerian Sumber Manusia dalam kenyataan memaklumkan, proses membawa masuk pekerja warga Bangladesh turut mendapat kerjasama Suruhanjaya

ya Tinggi Bangladesh di Kuala Lumpur.

"Proses pengesahan (Attestation) merangkumi 15 syarat su- dah diselesaikan oleh pihak Suruhanjaya Tinggi Bangladesh, ia membolehkan sejumlah 2,000 pekerja warga Bangladesh.

"Ini menunjukkan isu teknikal yang dihadapi sebelum ini bagi proses pengambilan pekerja warga Bangladesh ke negara ini sudah dapat ditangani." kata Kementerian Sumber Manusia da-

lam kenyataan itu, semalam.

Kementerian Sumber Manusia membayar levi dan bercadang mengajikan pekerja warga Bangladesh boleh memajukan permohonan ke Suruhanjaya Tinggi Bangladesh di Kuala Lumpur bagi memohon pengesahan pengesahan dan dokumentasi seperti Kontrak Pekerjaan serta Pesanan Kerja (*Job Order*) bagi pekerja.

Bagaimanapun, Kementerian itu menegaskan kemasukan pe-

kerja warga Bangladesh berkenaan tertakluk kepada saringan keselamatan dan kesihatan, termasuk pematuhan syarat Jabatan Imigresen.

Sebelum ini, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan dilaporkan berkata, isu kemasukan pekerja Bangladesh sudah diselesaikan melalui perjumpaannya dengan beberapa pemimpin Bangladesh ketika sesi lawatannya ke negara berkenaan baru-baru ini.

## 'Indonesia tiada masalah jika Malaysia batal MOU'

**Kuala Lumpur:** Indonesia bersedia 'berlapang dada' sekiranya Malaysia berhasrat membatalkan memorandum persefahaman (MOU) antara kedua-dua negara berhubung pengambilan dan perlindungan pekerja negara itu termasuk Pekhidmat Domestik Indonesia (PDI) ke Malaysia April lalu.

Duta Besar Indonesia ke Malaysia, Hermono, berkata MOU tersebut tidak dihormati berikutan butiran dalam perjanjiannya tidak dipatuhi Malaysia.

"Perkaranya mudah sahaja. MOU yang ditandatangani wajar dihormati lebih-lebih lagi membabitkan dua negara serumpun, malah segala maklumat dan butiran mengenai perjanjian diwujudkan dalam MOU berkenaan.

"Kalau tidak bersetuju dari awal seputuhnya tidak perlu diadakan MOU itu, tidak perlu ada majlis tandatangan kerana ia seolah-olah tidak menghormati Presiden Indonesia, Joko Widodo yang hadir menyaksikannya. Begitu juga Perdana Menteri Malaysia yang perlu terbang hingga ke Jakarta pada akhirnya perjanjian dilanggar, ia hanya membuang masa.

"Kalau tidak bersetuju, *terminate* (batalkan) sahaja, boleh tulis surat untuk batalkan perjanjian itu, serah pada kedutaan dan kita akan sampaikan kepada pemerintah, ...itu tidak menjadi masalah," katanya kepada BH semalam.

Beliau mengulas keputusan Indonesia mengenai pembekuan sementara ke atas semua pekerja negara itu memastikinya sejak semalam berikutan Jabatan Imigresen terus menggunakan System Maid One Line (SMO) biarpun kedua-dua negara bersetuju menggunakan satu saluran, iaitu One Channel System (OCS) menerusi MOU.

Menulis lanjut Hermono ber-

Indonesia henti  
sementara proses  
pekerja baha-

Keratan akhbar  
BH semalam.

katanya, menerusi MOU dimeterai juga sudah dinyatakan secara terperinci penggunaan sistem tunggal tersebut dengan objektif utama bertujuan melindungi pekerja daripada sebarang penganiayaan, termasuk tidak dibayar gaji.

"Sistem SMO yang terus digunakan yang mana membatalkan pekerja Indonesia memasuki negara ini menggunakan visa pelancong sebelum memohon permit kerja adalah satu amalan yang ingin dihentikan oleh Jakarta kerana tendah kepada risiko kerja secara paksaan.

"Jadi Kerajaan Indonesia memutuskan pembekuan itu selepas sesi perundingan maya antara saya bersama pegawai Kementerian luar dan Kementerian tenaga kerja Indonesia kelmarin, semua negara pastinya mahu memastikan rakyat mereka yang bekerja di negara lain terjaga keberadaan dan kebajikan mereka," katanya.

Beliau berkata, sistem tunggal OCS seperti dipersetujui ini siap untuk dilaksanakan pihak Indonesia untuk diintegrasikan dengan sistem di Malaysia.

"Mungkin ada perkara yang belum dapat diselesaikan atau dipersetujui antara Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri hinggalah sistem SMO masih terus digunakn.

"Bagi pihak Indonesia, kami

tidak bersetuju, kami sedia han- tar pekerja ke negara ini," katanya.

April lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyakikan majlis menandatangani MOU antara Kerajaan Malaysia dan Republik Indonesia berhubung pengambilan PDI.

MOU PDI itu mengandungi empat elemen utama antaranya menggunakan hanya satu saluran tunggal kemasukan PDI atau OCS, menggunakan konsep *One Maid One House* dan kos ditapikan pada kadar maksimum RMY15,000.

Selain itu, gaji permulaan PDI ditetapkan RMY1,500 bersamaan dengan kadar gaji minimum semasa negara.

Sementara itu, Presiden Persatuan Majikan Amah Malaysia (MAMA), Engku Ahmad Fauzi Engku Muhssein, berkata MOU ditandatangani sebelum ini wajar dihormati supaya dunia tidak memandang Malaysia sebagai tidak boleh dipercayai.

"Umpama kita bertunang dan hendak menikah, tetapi tidak jadi, pasti pihak sebelah sana marah.

"Harap Kementerian dapat hujung semula pihak di sana, berhubung dengan baik seperti adik beradik atas dasar serumpun, mungkin sebelah sana tu 'merajuk' sebab asas mereka supaya rakyat Indonesia yang bekerja di luar negara dilindungi," katanya kepada BH.

Tambah beliau, negara masih memerlukan pekerja dari Indonesia, terutama industri yang bergantung harap kepada tenaga kerja asing.

"Sistem tunggal OCS itu bagus, tidak perlu banyak langkah, cuma mungkin sistem itu perlu ada jaminan dari segi undang-undang buruh, supaya dapat lebih dipercayaaan," katanya.

Presiden Persatuan Agensi Pe-

kerjaan Malaysia (PAPA), Datuk Foo Yong Hoo pula menggesa kerajaan untuk menghentikan penggunaan SMO dalam kadar segera apabila kaedah itu menjadi punca Indonesia menghentikan proses membawa masuk pekerja dari negara itu.

Beliau menegaskan Kabinet perlu mengambil keputusan menyang-meng yang dilihat bukan sahaja dapat menguntungkan negara, tetapi memepati MOU yang dimeterai antara Joko Widodo.

Selagi itu tidak diselesaikan maka secara tidak langsung memberi kesan kepada jumlah tenaga buruh, sekali gus menjaskan produktiviti khususnya sektor perladangan dan pertanian.

"Kita banyak guna tenaga kerja Indonesia untuk kedua-dua sektor ini, tetapi keputusan Indonesia ini akan memberikan tempas besar kepada industri.

"Sudahlah kita rugikan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini, tetapi mungkin sekali lagi rugi dengan kekurangan tenaga buruh asing.

"Apatah lagi sektor pertanian yang amat kritikal buat masa sekarang, apabila kekurangan ayam dan sayuran berpunca pekerja asing tidak mencukupi untuk melakukan kerja pertanian. Kesan ini akan ditanggung seluruh rakyat apabila perlu bayar kos barangan lebih mahal," katanya.

Sementara itu, Presiden Pertubuhan Kebangsaan Agensi Pekerjaan Swasta Malaysia (PKAP), Fiona Low, berkata perbincangan bagi mencapai kesepakatan dalam penggunaan sistem tunggal perlu dilakukan.

"Lagipun pekerja Indonesia jadi pilihan atas sebab komunikasi, budaya yang lebih kurang sama di negara ini, jadi ia memudahkan perjalanan urusan dan tu-

Perkaranya mudah

sahaja. MOU yang ditandatangani wajar dihormati lebih-lebih lagi membatalkan dua negara serumpun, malah segala maklumat dan butiran mengenai perjanjian dinyatakan dalam MOU itu



Hermono,  
Duta Besar Indonesia  
ke Malaysia

Sistem tunggal OCS itu bagus, tidak perlu banyak langkah, cuma mungkin sistem itu perlu ada jaminan dari segi undang-undang buruh, supaya dapat lebih dipercayaaan



Engku Ahmad  
Fauzi Engku  
Muhssein,  
Presiden MAMA